



28 Disember 2012  
28 December 2012  
P.U. (A) 482

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (DANA PAMPASAN PASARAN MODAL) (CARUMAN) 2012

### *CAPITAL MARKETS AND SERVICES (CAPITAL MARKET COMPENSATION FUND) (CONTRIBUTION) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (DANA  
PAMPASAN PASARAN MODAL) (CARUMAN) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 160(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) (Caruman) 2012.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi orang yang berkaitan di bawah Bahagian IV Akta.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Dana” ertinya Dana Pampasan Pasaran Modal;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal.

**Caruman kepada Dana**

4. (1) Orang yang berkaitan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual 1 hendaklah, apabila dilesenkan di bawah Akta, membayar kepada Perbadanan jumlah yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual 1 sebagai caruman kepada Dana.

(2) Orang yang berkaitan di bawah subseksyen (1) hendaklah, pada tarikh ulang tahun lesen itu, membuat bayaran selanjutnya kepada Perbadanan menurut jumlah yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual 1.

(3) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengubah jumlah dan cara caruman dibuat oleh seseorang berkaitan kepada Dana.

**Kegagalan untuk membuat caruman kepada Dana**

5. (1) Perbadanan hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Suruhanjaya apa-apa kegagalan untuk membuat caruman kepada Dana seperti yang telah ditentukan dalam Jadual 1.

(2) Sekiranya orang yang berkaitan gagal untuk membuat caruman kepada Dana, ia hendaklah disifatkan sebagai pelanggaran syarat pelesenan oleh orang yang berkaitan itu dan Suruhanjaya boleh mengambil tindakan terhadap orang yang berkaitan itu.

(3) Apa-apa caruman yang terhutang kepada Perbadanan oleh mana-mana orang yang berkaitan boleh didakwa dan didapatkan kembali sebagai suatu hutang kontraktual.

## JADUAL 1

[Peraturan 4]

## Bahagian 1

Caruman oleh seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi berniaga dalam sekuriti, berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang

| Orang yang berkaitan   | Caruman            |  |
|--|--------------------|--|
|  | Apabila dilesenkan | Pada tarikh ulang tahun  |
| Organisasi yang menyertai:<br>bank pelaburan   | RM30,000.00        | RM10,000.00  |
| Organisasi yang menyertai:<br>selain bank pelaburan  | RM30,000.00        | RM5,000.00   |
| Peserta niaga  | RM30,000.00        | RM10,000.00 dalam setiap tahun bagi setiap lima tahun selepas peserta niaga itu dilesenkan |
| Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah | RM150,000.00       | -  |
| Seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang                                     | RM150,000.00       | -  |

| Orang yang berkaitan  | Caruman            |                         |
|---|--------------------|-------------------------|
|   | Apabila dilesenkan | Pada tarikh ulang tahun |
| Peserta niaga atau seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang, yang bermiaga dalam derivatif dalam Bursa Ditentukan | RM100,000.00       | -                       |

## Bahagian 2

Caruman oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi pengurusan kumpulan wang yang juga adalah seorang penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan

| Orang yang berkaitan  | Apabila dilesenkan | Pada tarikh ulang tahun  |              |
|---|--------------------|--|--------------|
|   |                    | Nilai Bersih Aset/Aset Di bawah Pengurusan Skim Persaraan Swasta itu – | Caruman      |
| Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi pengurusan kumpulan wang yang juga adalah seorang penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan | -                  | > RM10 bilion  | RM 50,000.00 |
|   |                    | RM1 bilion – RM10 bilion   | RM30,000.00  |
|   |                    | RM100 juta – RM1 bilion  | RM20,000.00  |
|   |                    | < RM100 juta   | RM10,000.00  |